

Orang Melayu kena jadi kelompok etnobahasa

Dalam usaha mensahihkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai alat kemajuan negara untuk menggantikan bahasa Melayu, antaranya dalam bidang pendidikan, sama ada di sekolah atau dalam pengajian tinggi, sesetengah daripada kita, termasuklah orang Melayu selaku penutur jati bahasa Melayu, bukan sahaja sanggup memperlekeh bahasa etnik mereka sendiri, malah juga ikut memfitnahkannya.

Hal ini dapat dilihat apabila orang Melayu sendiri dan bersama-sama kaum lain, mempertikai kemampuan bahasa Melayu dalam peranannya sebagai bahasa negara, khususnya selaku bahasa rasmi. Walaupun sudah bertaraf bahasa saintifik moden setelah dibangunkan daripada vernakular Melayu pada 1956 oleh *Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)*, golongan ini masih tidak berkeyakinan langsung tentang keupayaan bahasa Melayu memandaikan anak bangsa dan memajukan negara.

Pelbagai alasan ditohmahkan. Antaranya, daifnya sistem bahasa Melayu. Ini diperlihatkan melalui beberapa terjemahan yang sengaja diherotkan bukan sahaja untuk memperlihatkan kelemahan bahasa Melayu, tetapi juga bagi membawa aib kepadanya. Semua ini diviralkan dalam media sosial dan dilafazkan secara terbuka, termasuk dalam majlis formal.

Dalam kalangan golongan perundangan, diumpatkan "Saya taruh kasi awak baring dalam mahkamah" sebagai padanan ungkapan bahasa Inggeris "I put it to you that you are lying in court". Walaupun gurauan, ia sebenarnya penghinaan kepada bahasa Melayu kerana kelihatan begitu buta huruf dan buta hati sekali sistemnya sehingga terbentuk padanan sedemikian.

Sudah tentu padanan tepatnya tidak akan berbentuk setolol itu kerana bahasa Melayu mengandungi sistem yang dikembangkan sepenuhnya dengan kehadiran segala kelayakan yang perlu ada pada sesebuah bahasa berwibawa. Oleh itu, tidak mungkin padanan sejelik itu dibentuk secara sadar oleh komuniti bahasa Melayu amnya, dan pengguna bahasa Melayu yang ada maruah sendiri khasnya.

Padanan jahat sengaja diadakan oleh sesetengah pihak dalam kalangan rakyat Malaysia, di-



[FOTO HIASAN]

Pelajar perlu diberi kesedaran kepentingan memartabatkan bahasa Melayu.

sebarluaskan sebagai lelucon murahan. Ia juga cuba digunakan sebagai sebab mengapa kerajaan perlu guna bahasa Inggeris untuk pendidikan mata pelajaran berasaskan sains dan teknologi, khususnya untuk Program Dwibahasa di sekolah kini.

Mereka sengaja menterjemahkan bentuk bahasa Inggeris *play back* iaitu 'tayang balik' sebagai 'main belakang.' Oleh itu, bahasa Melayu dikatakan tidak layak terus digunakan sebagai alat kemajuan negara dan perlu segera diganti bahasa Inggeris kerana begitu tidak beradab padanannya dalam bahasa Melayu.

Perkecil bahasa Melayu

Sebenarnya melalui penciptaan penuh kejahatan oleh mereka yang bukan sahaja tidak bangga, sayang, apatah lagi setia kepada bahasa Melayu sebagai bahasa negara, ia ikut memperkecil-kecilkan bahasa Melayu di sisi bahasa Inggeris. Perbuatan ini, khususnya yang daripada orang Melayu sendiri boleh ditafsirkan sebagai tindakan menafikan seluruh sejarah etnik mereka sendiri.

Sepatutnya apabila padanan jahil dan jahat ini diperkata, biarpun sebagai lelucon, orang Melayu sebagai pelindung bahasa etnik Melayu hendaklah menegur mereka ini bahawa sistem bahasa Melayu tidak seburuk itu sehingga akan terbitnya padanan yang

bukan sahaja tidak tepat, tetapi bersifat tele-tele pula. Malangnya ini tidak berlaku.

Yang berlaku ialah orang Melayu ikut sekali dalam persendaan hina ini, kadangkala memburukkan keadaan lagi dengan antaranya, memberi pula padanan bahasa Inggeris *hotdog* sebagai 'anjing panas.' Melalui padanan bebal ini, gelak ketawa semua pihak bukan sahaja akan menjadi lebih kuat, tetapi secara tidak langsung penghinaan terhadap bahasa Melayu ikut bertambah.

Sudah tentu padanannya tidak akan sesekali bersifat harfiah sebegitu dalam bahasa Melayu. Ini disebabkan faktor budaya timur amnya dan agama khasnya dalam kalangan Muslim. Malah, dalam bahasa Inggeris pun, penamaan itu bersifat kiasan. Sehubungan ini, ia diibaratkan anjing *dachshund* yang kecil bentuknya dengan badan yang panjang seumpama sosej melintang.

Walaupun bahasa Inggeris kini diberikan lebih penekanan kebelakangan ini, ia tidak sesekali bermakna bahasa Melayu sudah boleh dikesampingkan, seperti yang berlaku dalam banyak perkara di negara ini. Dalam hal ini, Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) bukan sahaja amat sesuai ditegaskan selalu, tetapi direalisasikan sebagai lengkap-melengkapi anjara dua baha-

sa penting itu.

Malangnya, dalam keghairahan kita meraikan kemaraan bahasa Inggeris dalam era globalisasi ini, banyak pihak mencurahkan air yang sudah ada dalam tempayan setelah hanya mendengar guruh di langit.

Tidak ambil peduli

Memburukkan lagi keadaan, orang Melayu sendiri selaku penduduk asal dan kelompok majoriti lagi dominan di negara ini, rata-ratanya tidak banyak mengambil peduli tentang bahasa Melayu. Sebaliknya mereka pula ikut serta dalam menyeseh bahasa Melayu. Walaupun bilangan mereka ini tidak ramai, nila setitik merosakkan susu sebelanga.

Sehubungan ini, tidak dapat dinafikan kebanyakan orang Melayu tidak mengambil endah tentang bahasa mereka. Hal ini sudah lama diperhati. Antaranya oleh Abdullah Munsyi yang menulis tentangnya dalam beberapa karya mulai 1840. Ini mungkin kerana orang Melayu bukan kelompok etnobahasa, yakni kumpulan yang bukan sahaja langsung tidak cakna terhadap bahasanya, tetapi juga tidak melindunginya biarpun diserang dan di ambang kepupusan.

Sebenarnya pemikiran dan kelakuan orang Melayu secara keseluruhan tidak pernah memperlihatkan perasaan bangga, sayang dan setia kepada bahasa sendiri. Dengan ini, mereka langsung tidak melindungi bahasa Melayu yang kini diancam, yang ikut menggugat jati diri primordial sebagai orang Melayu dan identiti budaya mereka pada pandangan pihak lain untuk mengenali mereka.

Hal ini berlainan sekali kerana disadari dan diinsafi kaum bukan Melayu, misalnya kaum Cina. Sehubungan ini, mereka adalah kelompok etnobahasa, yakni mereka akan terus melindungi bahasa Cina di negara ini. Dalam pada itu, mereka sebenarnya terlalu melindungi bahasa Cina sehingga pada kebanyakan waktu, perlindungan berlebihan ini melanggar resam di mana langit dijunjung, di situ langit dipijak.

Untuk kelangsungan sebagai etnik penting di negara ini, orang Melayu perlu berubah menjadi kelompok etnobahasa. Setelah sesat di tengah jalan dalam hal bahasa Melayu, orang Melayu perlu balik ke pangkal jalan. Ia belum terlambat!